



Bank Pilihan Anda

SOALAN LAZIM

PROGRAM PEMBIAYAAN BRJohorNiaga

1) Apakah itu Program Pembiayaan BRJohorNiaga?

Program Pembiayaan BRJohorNiaga diwujudkan menerusi usaha sama antara Bank Rakyat dengan Kerajaan Negeri Johor. Program ini menawarkan kemudahan pembiayaan bagi usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di negeri Johor bagi memacu ekonomi dan mengekalkan kelangsungan perniagaan usahawan negeri Johor menerusi bantuan subsidi kadar keuntungan daripada dana Kerajaan Negeri.

2) Siapakah yang layak untuk memohon kemudahan BRJohorNiaga ini?

- Usahawan negeri Johor
- Perniagaan berdaftar dan beroperasi di Johor
- Telah berdaftar sebagai usahawan Negeri Johor melalui sistem Pusat Data Usahawan Johor (PADU), Perbadanan Usahawan Johor (PUJB).
- Perniagaan yang dijalankan hendaklah patuh Syariah
- Perniagaan sepenuh masa

3) Apakah tujuan pembiayaan yang ditawarkan bagi permohonan program BRJohorNiaga?

- Tujuan pembiayaan adalah untuk modal kerja
- Pembelian jentera atau peralatan untuk memulakan perniagaan

4) Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan menerusi untuk program BRJohorNiaga?

Pembiayaan Berjangka-i sahaja.



Bank Pilihan Anda

- 5) Berapakah jumlah pembiayaan yang ditawarkan bagi program BRJohorNiaga?

Kategori	Jumlah (RM)
Mikro	RM5,000 sehingga RM50,000
PKS	RM50,001 sehingga RM500,000

- 6) Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan untuk program BRJohorNiaga ini?

Kategori	Kadar Keuntungan
Mikro	9.50% kadar rata setahun
PKS	Kadar Asas Pembiayaan (KAP) + 1 % setahun (tertakluk kepada fi/yuran SJPP/CGC)

- 7) Berapakah subsidi kadar keuntungan yang diberikan kepada usahawan melalui dana Kerajaan Negeri Johor?

Kategori	Jumlah Subsidi Kadar Keuntungan
Mikro	9.50% daripada kadar keuntungan
PKS	3.58% daripada kadar keuntungan

- 8) Adakah cagaran diperlukan bagi program BRJohorNiaga?

Tiada cagaran diperlukan di bawah program BRJohorNiaga

- 9) Adakah terdapat perlindungan jaminan bagi program BRJohorNiaga?

Kategori	Perlindungan Jaminan
PMKS	Ya. 1. Jaminan perseorangan atau bersama oleh pengarah syarikat 2. Jaminan korporat oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).

- 10) Berapakah tempoh pembiayaan maksimum bagi program BRJohorNiaga?

Kategori	Tempoh Pembiayaan
Mikro	Sehingga 5 tahun (Termasuk tempoh penangguhan sehingga 9 bulan)
PKS	Sehingga 7 tahun (Termasuk tempoh penangguhan sehingga 9 bulan)



Bank Pilihan Anda

11) Apakah maksud tempoh penangguhan?

Tempoh penangguhan adalah penangguhan bayaran pokok (principal) pembiayaan untuk jangka masa yang ditetapkan oleh Bank. Dalam tempoh penangguhan ini, pelanggan hanya perlu membayar ansuran keuntungan sahaja.

12) Adakah pelanggan boleh mendapat BRJohorNiaga secara automatik?

Tidak. Permohonan BRJohorNiaga masih tertakluk pada proses penilaian dan kelulusan Bank dan perlu berdaftar sebagai usahawan Negeri Johor di PUJB melalui sistem PADU di pautan berikut: padu.pujb.my

13) Bagaimanakah cara untuk memohon atau mendapatkan maklumat lanjut berhubung program ini?

Untuk memohon atau mengetahui maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Perbankan Perniagaan (BBC) Bank Rakyat Johor di talian 07-244 6481/244 8547/244 7316/244 7179.